# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## JUMAAT 22 MAC 2024

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | DEWAN NEGARA: RM50 JUTA PERKASA PENANAMAN PADI BUKIT DI SABAH, SARAWAK, TVS -ONLINE | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 2. | PERCEPAT DASAR PADI DAN BERAS ELAK TINDAKAN 'ADHOC', BH -ONLINE | |
| 3. | PENIAGA JUAL BPI HARGA LAMA STOK DIPEROLEH MASIH TINGGI, NASIONAL, BH -7 | |
| 4. | PENGUATKUASAAN, PEMANTAUAN LEMAH, NEGARA, KOSMO -6 | |
| 5. | KEKAL HARGA LAMA, LOKAL, HM -18 | |
| 6. | PM ARAH TINGKAT PEMANTAUAN, PENGUATKUASAAN, MUKA DEPAN, BH -1 | |
| 7. | PM ARAH TINGKAT PENGUATKUASAAN TANGANI KENAIKAN HARGA MAKANAN, NASIONAL, BH -3 | |
| 8. | ISU BERAS: ANWAR AKUI PEMANTAUAN LEMAH, DALAM NEGERI, UM -1 & 2 | |
| 9. | HARGA KEKAL, HABISKAN STOK LAMA DULU, NEGARA, KOSMO -16 | |
| 10. | 'FREQUENT MONITORING NEEDED TO TACKLE WHITE RICE SHORTAGE', NATION, THE SUN -2 | |
| 11. | EASING THE RICE-ING COSTS, MUKA DEPAN, THE STAR -1 | |
| 12. | IMPORTED RICE STILL BEING SOLD AT HIGHER PRICE IN KLANG VALLEY, NATION, THE STAR -2 | |
| 13. | IT'S NICE TO SEE A PRICE DROP, NATION, THE STAR -2 | |
| 14. | RICE PRICE UNCHANGED IN SARAWAK AND SABAH, NATION, THE STAR -2 | |
| 15. | PRICE WILL COME DOWN WITH NEW STOCK, SAY SELLERS, NATION, THE STAR -2 | |
| 16. | PM WANTS PROBE INTO PRICIER FOOD, NATION, NST -3 | |
| 17. | TRADERS COMPLYING WITH LOWER RICE PRICE, NATION, NST -3 | |
| 18. | NEGARA RUGI RM853j AKIBAT NELAYAN ASING CEROBOH PERAIRAN, NASIONAL, BH -7 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 19. | NEGARA RUGI RM823 JUTA AKIBAT PENCEROBOHAN KAPAL NELAYAN ASING- MOHAMAD SABU, BH -ONLINE | |
| 20. | MALAYSIA ALAMI KERUGIAN RM823 JUTA, LOKAL, HM -23 | |
| 21. | PEMBENIHAN AWAN JIKA KEMARAU BERTERUSAN, LOKAL, HM -24 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA) |
| 22. | 'RISAU AIR TAK CUKUP', LOKAL, HM -25 | |
| 23. | MADA YAKIN BPT TIDAK TERJEJAS, NASIONAL, SH -12 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) |
| 24. | CUACA TERLALU PANAS, HARUMANIS BOLEH GUGUR TAK MASAK, NEGARA, KOSMO -16 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 22/3/2024 | TVS | ONLINE | |

# Dewan Negara: RM50 juta perkasa penanaman padi bukit di Sabah, Sarawak



KUALA LUMPUR, 21 Mac: Peruntukan sebanyak RM50 juta telah diluluskan kerajaan bagi memperkasa penanaman padi bukit di Sabah dan Sarawak pada tahun ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup berkata, kerajaan menyedari potensi padi bukit sebagai sumber pendapatan kepada pesawah dan telah melaksanakan beberapa usaha untuk melipatgandakan hasilnya.

Jelas beliau, ini termasuk meneruskan pemberian input pertanian bersubsidi iaitu Skim Subsidi Baja dan Racun Padi Bukit (SBRPB).

“Program ini bermatlamat untuk meringankan beban pesawah serta mengurangkan kos pengeluaran padi bukit,” katanya pada Sidang Dewan Negara hari ini.

Sementara itu, Arthur memaklumkan Kerajaan Sarawak turut bekerjasama dengan syarikat swasta bagi memasarkan hasil beras istimewa dari wilayah berkenaan ke Semenanjung Malaysia.

“(Setakat ini) pelbagai varieti beras Sarawak telah dijual di pasar raya utama di sini,” katanya.

Berdasarkan data terkini jelasnya, kawasan penanaman padi bukit di Sarawak adalah seluas 15,497.50 hektar dan di Sabah pula 13,248.28 hektar.

“Sebanyak 28,643 tan metrik jumlah pengeluaran padi bukit direkodkan di Sarawak manakala di Sabah sebanyak 28,400 tan metrik pada 2022.

“Seramai 27,100 orang pesawah terlibat dalam penanaman padi bukit di Sarawak yang majoriti kaum Iban,” tambahnya lagi. -TVS

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/3/2024 | BERITA HARIAN | ONLINE | |

# Percepat dasar padi dan beras elak tindakan 'adhoc'



PENGUMUMAN penurunan harga jualan runcit Beras Putih Import antara RM2 hingga RM3 di pasaran berkuat kuasa semalam seperti diputuskan Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) Bil 1/2024 perlu dilakukan demi meningkatkan akses rakyat kepada bekalan beras pada harga munasabah dan mengurangkan kos sara hidup termasuk ketika bulan puasa, sekali gus mengambil kira musim perayaan, iaitu Aidilfitri bakal menjelang. Apatah lagi, ramai mengadu kenaikan harga jualan makanan di bazar Ramadan, selain kesukaran mendapatkan bahan asas makanan ruji itu.

Penurunan harga yang signifikan itu diumumkan bersama tiga inisiatif lain untuk mengatasi isu kekurangan beras dalam pasaran, iaitu pengilang diarah memproses 140,000 tan padi yang sudah dibeli untuk pasaran tempatan serta-merta, semua kontrak kerajaan akan menggunakan Beras Putih Import untuk membolehkan tambahan 20,000 tan Beras Putih Tempatan mulai bulan depan. Dalam memastikan akses terus kepada rakyat, kerajaan turut memperluaskan lokasi dan kekerapan aktiviti Jualan Agro MADANI oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP).

Kita akui pengumuman itu mengejutkan hingga tidak hairan tinjauan akhbar ini mendapati masih ada premis mengekalkan harga lama dengan alasan perlu mendapatkan penentuan harga daripada pihak pembekal beras sebelum menetapkan semula tanda harga baharu. Kerajaan boleh bertolak ansur dalam tempoh sehari dua ini, tetapi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) perlu melakukan pemantauan supaya tidak ada mana-mana pihak terus berdalih atau menyanyi lagu 'Bangau Oh Bangau' hingga mengambil masa lama yang akhirnya menjejaskan pengusaha mikro dan kecil serta pengguna.

Seorang pelanggan dilihat membuat pilihan semasa membeli Beras Putih Import (BPI) yang dijual di sebuah pasar raya di Senawang, semalam. - Foto BERNAMA

Pada masa sama, kita mengingatkan kerajaan supaya mengambil pengajaran daripada isu kekurangan beras di pasaran hingga terpaksa mencari penyelesaian secara ad hoc termasuk membuat pengumuman secara drastik. Justeru, kita meminta Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mempercepatkan dasar padi dan beras yang sedang dirangka membabitkan empat kementerian lain serta mengambil kira kepentingan petani, pengilang, pengedar serta peruncit di negara ini supaya isu keselamatan makanan tidak terjejas pada masa depan terutama ketika berlaku krisis seperti pernah kita alami sebelum ini.

Secara keseluruhan, ada baiknya kerajaan mewujudkan 'war room' yang boleh memantau kenaikan harga atau kekurangan barang keperluan penting di pasaran tidak terhad kepada beras, bahkan sayuran, ayam dan ikan. Kita percaya pemantauan dan pengumpulan maklumat penting bukan sahaja semakin mudah dengan teknologi seperti analisis data raya serta kecerdasan buatan (AI), bahkan boleh membantu pihak berkuasa mengambil tindakan pantas termasuk menambah bekalan di pasaran atau penguatkuasaan undang-undang. Malah, maklumat itu juga boleh dipaparkan kepada masyarakat untuk membantu mereka dalam menguruskan perbelanjaan harian dengan lebih optimum.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/3/2024 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 7 |

# Negara rugi RM823j akibat nelayan asing ceroboh perairan

## Kementerian bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan tangani isu

Oleh Farah Marshita Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my



Nelayan asing Vietnam serta tekong ditahan Maritim Malaysia yang menceroboh perairan negara menerusi Op Damai, Op Naga dan Op Tiris pada Sabtu lalu. (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

**Kuala Lumpur:** Malaysia kerugian berjumlah RM823 juta akibat pencerobohan kapal nelayan asing, antara 2020 hingga 2023.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata dalam tempoh itu sebanyak 428 kes direkodkan oleh Jabatan Perikanan (DOF), Agensi Penguatkuasaan Maritim (Maritim Malaysia) dan Polis Marin.

Katanya, pecahan anggaran kerugian mengikut tahun adalah RM225.22 juta pada 2020 (117 kes), RM238.69 juta pada 2021 (124 kes), RM200.19 juta pada 2022 (104 kes) dan RM159.77 juta 2023 membabitkan 83 kes.

"Jumlah tangkapan kapal nelayan asing yang dibuat oleh Jabatan Perikanan bagi tempoh 2020 hingga 2023 adalah sebanyak tujuh kes (2020), lapan kes (2021) dan empat kes (2022).

"Pecahan tangkapan berdasarkan negara pula adalah sebanyak 18 kes tangkapan membabitkan kapal negara Vietnam dan satu kes kapal tanpa bendera," katanya.

### Serius tangani isu

Beliau berkata demikian menerusi jawapan bertulis yang disiarkan di portal Dewan Rakyat ketika menjawab soalan Wan Razali Wan Nor (PN-Kuantan) berhubung jumlah kerugian disebabkan pencerobohan nelayan asing di perairan negara bagi tempoh 2020-2023.

Mohamad berkata, kementerian memandang serius isu pencerobohan membabitkan aktiviti penangkapan ikan secara haram oleh kapal penangkapan ikan asing di perairan negara.

"Kementerian melalui DOF sentiasa bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan yang lain dalam usaha menangani isu ini.

"Pencerobohan oleh nelayan asing adalah isu serius yang boleh menjejaskan kelestarian sumber daya perikanan tempatan dan mata pencarian nelayan tempatan serta kerugian kepada pendapatan negara," katanya.

# Peniaga jual BPI harga lama stok diperoleh masih tinggi

**Kuala Terengganu:** Pengusaha pasar raya dan kedai runcit di negeri ini terpaksa menjual Beras Putih Import (BPI) pada harga lama kerana bekalan beras yang diperoleh mereka daripada syarikat pembekal pada Ahad lalu masih tinggi.

Tindakan dibuat pengusaha pasar raya dan kedai runcit terbabit, sekali gus tidak mematuhi arahan kerajaan yang mahu penjualan harga beras diturunkan antara RM2 hingga RM3 sekampit, berkuat kuasa kelmarin.

Peniaga, Harun Jusoh, 73, dari Kampung Bukit Bayas, berkata syarikat pembekal BPI menjual beras pada harga lama kepada mereka, menyebabkan jualan produk itu terpaksa dibuat pada harga lama juga kepada pengguna bagi mengelak kerugian.

Beliau berkata, syarikat pembekal juga tidak memaklumkan sebarang penurunan harga kepada peniaga ketika pemeriksaan stok bekalan dilakukan minggu lalu.

"Kami terpaksa mengekalkan harga lama bagi jualan beras kerana baru memperoleh bekalan BPI pada Ahad lalu dengan harga sama sebelum ini.

"Penyelia beberapa syarikat pembekal beras datang ke premis kami untuk membuat semakan stok, tetapi mereka tidak memaklumkan bila harga BPI akan diturunkan," katanya.

### Terima 15 tan bekalan BPI

Penyelia pasar raya yang hanya mahu dikenali sebagai Zawiah, berkata pihaknya memperoleh bekalan kira-kira 15 tan BPI pelbagai jenama pada Khamis lalu.

"Kita akui ada pelanggan menegur kami kerana harga jualan beras tidak sama seperti diumumkan kerajaan. Bagaimana mahu turunkan harga jika bekalan diperoleh adalah tinggi iaitu kekal pada harga lama," katanya.

Sementara itu, seorang pegawai pemasaran syarikat pembekal BPI yang enggan didedahkan, berkata kerajaan hanya mengumumkan penurunan harga beras kelmarin tetapi tidak memperincikan secara jelas kaedah ditawarkan kepada syarikat pembekal dan peruncit.

"Semua peruncit merungut dan bertanya bila harga BPI akan diturunkan, sehingga ada yang membatalkan pesanan. Namun bagi yang sudah membeli dan menerima bekalan beras masing-masing pada harga lama, mereka pasti menjual dengan harga lama juga bagi mengelak kerugian," katanya.



Bekalan BPI yang diterima peruncit sekitar Kuala Terengganu daripada pembekal masih pada harga lama sejak Ahad lalu. (Foto Baharom Bakar/BH)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 22/3/2024 | KOSMO | NEGARA | 6 |

Punca beras tempatan 'hilang' dari pasaran

# Penguatkuasaan, pemantauan lemah

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

**PUTRAJAYA** – Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengakui kelemahan aspek penguatkuasaan dan pemantauan menyebabkan negara 'kehilangan' beras putih tempatan (BPT) di pasaran tempatan.

Anwar mahu semua pihak lebih tegas dan kerap melakukan pemantauan dan tinjauan bukan sahaja mengenai soal beras sebaliknya barangan keperluan lain.

Menurutnya, mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup (NACCOL) baru-baru ini menggambarkan bahwa kerajaan tegas dalam soal harga dan bekalan beras.

"NACCOL baru-baru ini memutuskan bahawa beras putih import (BPI) diturunkan antara RM2 hingga RM3 sekampit sekali gus membolehkan BPT kembali berada di pasaran.

"Aneh juga bila Perdana Menteri dah naik angin sikit (kecewa dengan ketiadaan BPT di pasaran), Padiberas Nasional Bhd. (Bernas) kata boleh turun harga RM2 dan pengilang pula kata boleh turun RM1.

"Tahun sudah tiada pula jadi, alhamdulillah turun RM3 harga beras import dan ia penurunan yang banyak untuk pembeli dan pengguna biasa," katanya ketika berucap pada Perhimpunan Bulanan Warga Kementerian Kewangan (MOF) di sini semalam.

Katanya, beliau sendiri hairan kenapa BPT tiada di pasaran sebelum ini sedangkan ia direkodkan ada dalam laporan.

Namun, katanya, ketegasan kerajaan dalam mesyuarat NACCOL akhirnya berjaya membongkarkan bahawa negara mempunyai sekitar 150,000 tan metrik BPT di pasaran.

"Bila kita tekankan perkara itu rupanya ada sekitar 150,000 tan metrik beras tempatan untuk diedar tapi tak cukup untuk semua.

"Ketika ini, BPT dijual dan diedar di Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) supaya tiada kos penyewaan dan pengangkutan bagi kekalkan harga RM26.

"Tapi kenyataannya ialah harga beras, gula, minyak mentah, kita ini paling murah di Asia Tenggara dan ini tidak diberi penekanan," katanya.

Sebelum ini, kerajaan menerusi NACCOL bersetuju supaya harga jualan runcit BPI diturunkan antara RM2 hingga RM3 di pasaran berkuat kuasa semalam.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dilapor berkata, semua stok semasa padi dan beras yang sudah dibeli pengilang berjumlah 140,000 tan metrik pula dapat diproses dan dikeluarkan untuk kegunaan pasaran tempatan dengan serta-merta.

Kerajaan bersetuju semua kontrak kerajaan mengguna pakai sepenuhnya BPI, sekali gus membolehkan bekalan tambahan BPT sebanyak 20,000 tan metrik dapat diedarkan sepenuhnya di pasaran pada April ini.



**BERAS** import memenuhi pasaran selepas kekurangan bekalan beras tempatan ketika ini. – GAMBAR HIASAN

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 22/3/2024 | HARIAN METRO | LOKAL | 18 |




MOHD Ridzuan melihat pekerja pasar raya memeriksa harga beras putih import. - Gambar NSTP/SITI ROHANA IDRIS

# Kekal harga lama

## *Pasar raya perlu rujuk pembekal sebelum selaras harga BPI*

**Oleh Siti Rohana Idris**
am@hmetro.com.my

**Kota Bharu**

Arahan penurunan harga jualan runcit beras putih import (BPI) yang diumumkan kerajaan berkuat kuasa kelmarin menimbulkan maklum balas celaru dalam kalangan pengurusan pasar raya.

Ada yang akur dengan segera menurunkan harga BPI namun masih ada pasar raya yang mengekalkan harga lama berikutan perlu mendapatkan kata putus dari syarikat pembekal.

Tinjauan dibuat di Pasar Raya Econsave Kubang Kerian di sini, mendapati BPI lima kilogram (kg) masih dijual serendah RM20.70 hingga RM23.90 manakala BPI 10 kg pula dijual pada harga RM36.90 sehingga RM43.90.

Ketua Bahagian Peruncitan pasar raya itu, Mohd Ridzuan Sulaiman, pihaknya perlu merujuk pihak pembekal terlebih dahulu sebelum penyelarasan harga baharu BPI.

“Setakat ini kami belum menerima sebarang memo lagi berhubung perkara itu. Buat masa kini, pasar raya kami masih mengekalkan harga lama.

“Kami berurusan dengan enam syarikat pembekal beras. Sehingga kini semua mereka belum memberi kata putus namun penyelarasan harga baharu BPI dijangka dilakukan sekurang-kurangnya dua hari lagi,” katanya semalam.

Mohd Ridzuan berkata, walaupun harga BPI masih belum diturunkan, Econsave sentiasa menjalankan harga promosi bagi beras pada kadar antara 50 sen sehingga RM1 selain potongan RM2 pada hari minggu.

Sementara itu Pengurus Kawasan Mydin Hypermarket Pantai Timur, Roszaliza Mat Nawi berkata, pasar raya itu sudah membuat penurunan harga BPI bermula pagi kelmarin selepas menerima arahan pengurusan ibu pejabat.

“Sebaik menerima arahan (kelmarin), semua pasar raya Mydin di negeri ini menurunkan harga BPI sehingga mencecah RM3,” katanya.

Kerajaan Selasa lalu, mengumumkan supaya harga jualan runcit BPI diturunkan antara RM2 hingga RM3 di pasaran untuk mengatasi isu kekurangan beras dalam pasaran.

Keputusan itu dibuat dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (Naccol) Bil 1/2024 dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan arahan itu berkuat kuasa kelmarin.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 22/3/2024 | BERITA HARIAN | MUKA DEPAN | 1 |

Isu harga makanan naik

# PM arah tingkat pemantauan, penguatkuasaan

*'Harga beras turun, harga gula terkawal, harga ayam turun ketimbang dua ke tiga tahun lalu, tapi harga makanan naik'*

**Oleh Mohd Iskandar Ibrahim** → Nasional 3



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/3/2024 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 3 |

# PM arah tingkat penguatkuasaan tangani kenaikan harga makanan

## Anwar gesa pihak berkaitan segera bertindak, bukan sekadar kemuka laporan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam mengarahkan pemantauan dan penguatkuasaan dipertingkatkan susulan aduan kenaikan harga makanan dan isu kekurangan bekalan beras putih tempatan.

"Saya lihat ada rakan komen, harga beras turun, harga gula terkawal, harga ayam turun ketimbang dua tiga tahun lalu, tapi harga makanan naik," tegas Perdana Menteri.

Begitu juga dalam isu beras tempatan, beliau berkata, kekurangan makanan ruji itu di pasaran juga memerlukan penguatkuasaan dan pemantauan lebih tegas, menuntut perubahan dan tinjauan yang kerap.

"Ini mungkin penguatkuasaan, mungkin pemantauan, harus juga tuntut kita lakukan tinjauan dan perubahan," katanya berucap pada Perhimpunan Warga Kementerian Kewangan, di sini semalam.

Anwar yang juga Menteri Kewangan menjelaskan, tindakan perlu diambil dalam menangani isu sedemikian, bukan sekadar mengemukakan laporan.

Perdana Menteri mempengerusikan mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) Selasa lalu untuk yang memberi tumpuan kepada isu beras dan harga makanan ruji itu.

"Aneh tak, bila nampak Perdana Menteri mula 'naik angin' sikit, BERNAS (Padiberas Nasional) kata boleh turun RM2 dan pengilang kata boleh turun RM1. Tahun sudah tidak (boleh) pula, dua tahun sudah juga tidak.

"Jadi turun RM3 beras import, ada sesetengah tempat RM2 kerana pengilang tak sanggup, tapi umumnya RM2 ke RM3, itu sudah banyak untuk pembeli dan pengguna," katanya.

Anwar berkata, laporan berkait bekalan beras putih tidak selari dengan tawaran makanan asasi itu yang sebenarnya tiada di pasaran, malah beliau sendiri menerima aduan secara terus daripada peniaga.

"Beras RM26 (sekampit) tapi tiada dalam pasaran walaupun laporan kata ada. Hari itu, ada program jualan Rahmah, saya tanya seorang kakak, kenapa jual RM30 beras campur (sedangkan) ada RM26. Dia kata memang ada, tapi (bekalan) tak ada di kedai.

"Jadi, pada mesyuarat (NACCOL), kerajaan putuskan semua keperluan polis, tentera dan sekolah asrama dalam kontrak kerajaan, beli beras import supaya beras tempatan boleh masuk pasaran.

"Pada mesyuarat NACCOL turut didedahkan negara mempunyai 150,000 tan beras tempatan untuk diedar, tapi tidak mencukupi untuk semua. Tapi kalau tumpu luar bandar, pedalaman melalui FAMA, LPP boleh (mencukupi)," katanya.

Anwar merujuk Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) yang bertanggungjawab mengedar dan menjual beras putih tempatan.




*Anwar ketika berucap pada Perhimpunan Bersama Warga Kementerian Kewangan di Putrajaya, semalam.* (Foto BERNAMA)

"Tak cukup untuk semua, tapi kita tumpukan kepada miskin bandar dan di kawasan kampung dan pedalaman melalui FAMA dan LPP. Sekurang-kurangnya sebahagian besar, majoriti rakyat pendapatan rendah boleh dapat beras tempatan," katanya.

### Penyeludupan bertambah

Menurut Perdana Menteri, harga gula, beras dan minyak masak di Malaysia paling murah di Asia Tenggara, namun itu juga menghadirkan masalah kerana penyeludupan bertambah.

"Laporan dalam mesyuarat keselamatan, di Pulau Sebatik, satu pertiga (rakyat) Malaysia, dua pertiga (rakyat) Indonesia, tapi keperluan minyak mentah, beras, gula, semuanya untuk satu pulau," katanya.

Pulau Sebatik terletak di Pantai Timur Borneo, terbahagi kepada dua bahagian, iaitu utara dalam wilayah Sabah, Malaysia, manakala selatan milik Kalimantan Utara, Indonesia.

Sebab itu, tegas Perdana Menteri, subsidi bersasar penting dan beberapa program serta prakarsa baharu serta kaedah percukaian baharu perlu.

"Namun, ia harus tidak menekan di bawah dan memberi keadilan supaya golongan mahakaya tak ambil faedah daripada subsidi," katanya.

Menyentuh isu lain, Anwar berkata, peruntukan kerajaan MADANI kepada Terengganu adalah lebih tinggi berbanding disalurkan kerajaan terdahulu dianggotai PAS dan BERSATU.

Katanya, sebanyak RM1.59 bilion disalurkan kepada Terengganu tahun ini untuk belanja pembangunan berbanding RM1.55 bilion tahun lalu.

"Jadi untuk 2023 berdasarkan hasil petrol, wang ihsan diberikan adalah RM768 juta, tetapi pemberian untuk Terengganu untuk 2022, RM399 juta.

"Untuk 2023, kita tambah, maknanya semasa PAS, BERSATU dalam kerajaan dan masa kita dalam kerajaan, peruntukan masa kita lebih daripada masa PAS dan BERSATU... jadi zalim macam mana, kita tambah jadi RM413.64 juta dan ditambah untuk 2024, ada tambahan lagi," katanya.

Anwar menegaskan kerajaan MADANI tidak pernah menahan atau menghentikan peruntukan kepada mana-mana negeri termasuk negeri di bawah pentadbiran pembangkang.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/3/2024 | UTUSAN MALAYSIA | MUKA DEPAN | 1 |

# Isu beras: Anwar akui pemantauan lemah

Oleh **MOHD HUSNI MOHD NOOR**
utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Datuk Seri Anwar Ibrahim mengakui kelemahan aspek penguatkuasaan dan pemantauan menyebabkan negara 'kehilangan' beras putih tempatan (BPT) di pasaran.

Perdana Menteri berkata, beliau mahu semua pihak lebih tegas dan kerap melakukan pemantauan dan tinjauan bukan sahaja mengenai soal beras, sebaliknya barangan keperluan lain.

Menurutnya, mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup (NACCOL) baru-baru ini menggambarkan bahawa kerajaan tegas dalam soal harga dan bekalan beras.

**Bersambung di muka 2**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 22/3/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 2 |

# Isu beras: Anwar akui pemantauan lemah

Dari muka 1

"NACCOL sebelum ini memutuskan beras putih import (BPI) diturunkan antara RM2 hingga RM3 sekampit sekali gus membolehkan BPT kembali berada di pasaran.

"Aneh juga bila Perdana Menteri dah naik angin sikit (kecewa dengan ketiadaan BPT di pasaran), Padiberas Nasional Bhd. (Bernas) kata boleh turun harga RM2 dan pengilang pula kata boleh turun RM1.

"Tahun sudah tiada pula jadi, alhamdulillah turun RM3 harga beras import dan ia penurunan yang banyak untuk pembeli dan pengguna biasa," katanya ketika berucap pada Perhimpunan Bulanan Warga Kementerian Kewangan (MOF) di sini semalam.

Katanya, beliau sendiri hairan kenapa BPT tiada di pasaran sebelum ini sedangkan ia direkodkan ada dalam laporan.

Namun, katanya, ketegasan kerajaan dalam mesyuarat NACCOL akhirnya berjaya membongkarkan negara mempunyai sekitar 150,000 metrik tan BPT di pasaran.

"Bila kita tekankan perkara itu rupanya ada sekitar 150,000 metrik tan beras tempatan untuk diedar tapi tak cukup untuk semua.

"Ketika ini, BPT dijual dan diedar di Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) supaya tiada kos penyewaan dan pengangkutan bagi kekalkan harga RM26.

"Tapi kenyataannya ialah harga beras, gula, minyak mentah, kita (Malaysia) ini paling murah di Asia Tenggara dan ini tidak diberi penekanan," katanya.

Sebelum ini, kerajaan menerusi NACCOL bersetuju supaya harga jualan runcit BPI diturunkan antara RM2 hingga RM3 di pasaran berkuat kuasa semalam.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dilaporkan berkata, semua stok semasa padi dan beras yang sudah dibeli oleh pengilang berjumlah 140,000 tan metrik pula dapat diproses dan dikeluarkan untuk kegunaan pasaran tempatan dengan serta-merta.

Kerajaan turut bersetuju semua kontrak kerajaan mengguna pakai sepenuhnya BPI, sekali gus membolehkan bekalan tambahan BPT sebanyak 20,000 tan metrik dapat diedarkan di pasaran pada April ini.

Dalam perkembangan lain, Anwar mendedahkan Malaysia berjaya meraih potensi pelaburan asing bernilai RM76.1 bilion setakat Mac 2024.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, potensi pelaburan itu diperoleh menerusi Misi Perdagangan dan Pelaburan di Australia yang menyumbang RM24.5 bilion serta Jerman dan Perancis sebanyak RM46 bilion.

Menurutnya, sebagai negara keenam terbesar dunia dari segi eksport semikonduktor, Malaysia meraih manfaat besar daripada persaingan antara Amerika Syarikat dan China dalam penghasilan cip.

"Kebanyakan syarikat luar melihat Malaysia sebagai sebuah negara yang strategik untuk pelaburan mereka kerana ekosistem industri semikonduktor yang maju dan mendapat dukungan penuh daripada kerajaan," katanya.

Jelasnya, beberapa fakta penting menyokong prestasi ekonomi yang lebih baik tahun ini termasuk kadar pengangguran turun ke paras 3.3 peratus pada Januari 2024 iaitu kembali ke paras prapandemik pada tahun 2022 iaitu 3.7 peratus.

Katanya, kadar inflasi juga rendah dan turun kepada 1.6 peratus untuk suku keempat 2023 berbanding 2.0 peratus pada suku ketiga tahun lalu.

Anwar berkata, prestasi eksport turut menunjukkan tanda pemulihan pada Januari 2024 dengan peningkatan 8.7 peratus selepas menguncup sepuluh bulan.

Sementara itu, mengulas mengenai kenyataan Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar dalam sidang Dewan Rakyat pada 6 Mac lalu yang mendakwa negeri itu masih belum menerima kira-kira RM1 bilion daripada kerajaan pusat, Anwar menegaskan, Kerajaan Perpaduan tidak pernah zalim terhadap Terengganu terutama dalam soal Pemberian Persekutuan dan Belanja Pembangunan sebaliknya peruntukan berkenaan ditingkatkan setiap tahun.

Jelasnya, agihan peruntukan Belanja Pembangunan bagi Terengganu ditingkatkan kepada RM1.59 bilion tahun ini berbanding RM1.55 bilion pada 2023 dan bagi Pemberian Persekutuan pula, jumlah diberikan lebih tinggi.

"Peruntukan yang diagihkan oleh Kerajaan Perpaduan lebih pada pemerintahan ketika PAS dan Bersatu, zalim macam mana? Kita tambah kepada RM413 juta pada 2023 dan dijangka meningkat pada tahun 2024.

"Dia (Menteri Besar Terengganu) kata zalim. Ketika saya menjadi pembangkang berpuluh tahun, kita tidak menerima sebarang peruntukan. Ketika itu tidak zalim, tetapi sekarang zalim?," ujarnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/3/2024 | KOSMO | NEGARA | 16 |

# Cuaca terlalu panas, harumanis boleh gugur tak masak



PENGUSAHA harumanis mengambil langkah dengan memastikan tanaman mereka mendapat sumber pengairan mencukupi bagi meraih hasil pada musim ini di Perlis.

**KANGAR** – Keadaan cuaca yang terlalu panas di Perlis ketika ini dikhuatiri mempengaruhi pengeluaran harumanis, musim tahun ini.

Pengusaha harumanis, Zulkifli Saadan, 46, berkata, dia sememangnya bersedia dengan sebarang kemungkinan tersebut memandangkan keadaan cuaca terlalu panas pada masa ini.

"Memang tanaman harumanis memerlukan keadaan kering dan panas untuk mengeluarkan hasil yang berkualiti, namun cuaca panas melampau juga boleh membuatkan buah tersebut gugur sebelum masak.

"Jadi bagi menggelakkan keadaan itu berlaku, saya mengambil langkah dengan mengairi semua tanaman berkenaan sekurang-kurangnya sekali sehari bagi mengelakkan buah gugur dan tidak dapat dipasarkan," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Pengerusi Persatuan Pengusaha Harumanis Perlis, Datuk Hashim Suboh berkata, cuaca panas melampau boleh mengakibatkan buah harumanis gugur awal.

Katanya, berdasarkan pemerhatiannya, dianggarkan antara 20 hingga 30 peratus dijangka terjejas.

"Walaupun begitu, kita menjangkakan kebanyakan buah yang terhasil pada musim ini sangat berkualiti dan manis berikutan cuaca panas tersebut," ujarnya.

Jabatan Meteorologi (MetMalaysia) meramalkan cuaca panas tahap dua iaitu amaran gelombang haba dengan suhu 38 hingga 40 darjah Celsius di Perlis dan Pokok Sena, Kedah semalam.

---

Rata-rata pengguna lega kerajaan cakna isu harga beras import yang mahal

# Harga kekal, habiskan stok lama dulu

Oleh TENGKU DANISH BAHRI TENGKU YUSOFF

**KUALA TERENGGANU** – Pengguna di beberapa bandar raya kecewa beras putih import kekal mahal walaupun kerajaan telah mengumumkan penyelarasan penurunan harga runcitnya berkuat kuasa semalam.

Kerajaan menerusi Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) kelmarin mengumumkan penurunan harga antara RM2 sehingga RM3 bagi kampit beras putih import 10kg.

Perkara itu bagi menangani krisis bekalan beras tempatan dengan jangkaan penurunan harga sehingga RM35 sekampit.

Di **Kuala Terengganu**, tinjauan *Kosmo!* di beberapa kedai runcit dan pasar raya di bandar raya ini dan Kuala Nerus semalam mendapati harga runcit beras putih import bagi 10 kilogram (kg) kekal tinggi antara RM40.50 dan RM47.90 sekampit.

Seorang suri rumah, Tengku Asiah Tengku Deraman, 49, kesal rata-rata pengusaha kedai runcit dan pasar raya terbabit enggan menurunkan harga beras import dengan alasan bekalan yang sedang dijual merupakan stok lama.

"Pengumuman kerajaan untuk menurunkan harga beras import itu tepat pada masanya kerana bekalan beras tempatan begitu sukar diperolehi di pasaran sejak beberapa bulan lalu.

"Begitupun saya kecewa ia seakan tidak dipatuhi pada hari pertama pelaksanaannya. Saya harap tindakan penguatkuasaan dapat diambil segera," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Di **Perak**, tinjauan di sebuah pasar raya mendapati harga beras Jasmine Siam Best 5% 10 kilogram (kg) diturunkan harga sebanyak RM6.91 iaitu RM37.99 berbanding harga asal RM44.90.

Sementara itu, harga beras Cap Rambutan TRW 10kg ialah RM38.99 iaitu penurunan RM5.90 berbanding RM44.89 sebelum ini dan beras Thai King Siam Rice10 kg pula berharga RM36.99 berbanding harga asal RM46.49 iaitu penurunan RM9.50.

Dalam pada itu, di sebuah pasar mini di sini, harga beras Faizah Emas Putih Import 10kg turun RM5.50 iaitu RM37.99 berbanding harga asal RM43.49.

Sementara itu, di **Selangor** seorang pengguna, Nur Hasnita Damanhuri, 40, berkata, dia rasa syukur apabila penurunan harga beras import dapat menjimatkan perbelanjaan terutama pada bulan Ramadan.

Ujarnya, pada setiap bulan, dia akan membeli dua kampit beras 5 kilogram (kg) untuk kegunaan keluarganya.

"Apapun, saya harap Beras Putih Tempatan segera ada kerana ini dapat menjimatkan kos harian saya sekeluarga. Harap bekalan BPT ada sebelum Aidilfitri," kata suri rumah itu.

Ujarnya, beras tempatan tetap dinanti berada di pasaran.



BERAS import yang masih dijual harga lama di sebuah kedai runcit di Kuala Terengganu semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/3/2024 | THE SUN | NATION | 2 |

# 'Frequent monitoring needed to tackle white rice shortage'

**Govt commitment in addressing issue of costs, supply of staple has led to decrease in market prices, says premier**

**PUTRAJAYA:** Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim wants more frequent monitoring and enforcement to be carried out to address the shortage of local white rice in the market.

Anwar, who is also finance minister, said the monitoring and enforcement approaches also require changes to ensure a more effective distribution of local white rice.

"I personally have heard the concerns raised by traders regarding the shortage of local white rice," he said at the Finance Ministry's assembly yesterday.

On the recent special meeting of the National Action Council on Cost of Living (Naccol), Anwar said the government's firmness in addressing the issue of rice prices and supplies have been evident, leading to a decrease in market prices of imported white rice.

"*Alhamdulillah*, prices have dropped by RM3, or by RM2 (per 10kg pack) at some places. Basically, between RM2 and RM3, and that's a lot for buyers and regular consumers."

Regarding the shortage of local white rice in the market, Anwar said the Naccol meeting also revealed the country has 150,000 tonnes of it to be distributed, but it is not enough for everyone.

He said at present, the rice is sold and distributed by the Federal Agricultural Marketing Authority and the Farmers Organisations Authority at a price of RM26 per pack of 10 kg.

"In reality, our rice, sugar and crude oil prices are the cheapest in Southeast Asia and this fact is not being emphasised."

On March 19, the Agriculture and Food Security Ministry announced that the retail prices of imported white rice would be reduced by between RM2 and RM3 (per 10kg pack). It took effect on Wednesday.

The current retail price of imported white rice is between RM38 and RM45 for a 10kg pack and with the announcement of the new price range, the price for the 10kg pack would drop to RM35.

Meanwhile, in a post on his Facebook page, Anwar said the *Madani* government is standing firm in ensuring the people would not be pressured by those who want to rake in excessive profits, especially in the sale of daily necessities such as rice.

He said the government would continue to be consistent with the approach of retargeting its assistance and subsidies to ensure that they reach people in need, reflecting the concept of fairness, Bernama reported.

"If we know that the bulk subsidy approach used before had also benefitted the super-rich and foreign citizens, then why would we want it to continue?

"That's why the subsidy must be retargeted to the hardcore poor and marginalised communities, and this of course includes the urban and rural poor."

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/3/2024 | THE STAR | MUKA DEPAN | 1 |




Photo: ZHAFARAN NASIB/The Star

# Easing the rice-ing costs

Consumers can heave a sigh of relief as the price of imported white rice has started to go down. While some outlets are still selling their existing stock at old prices, retailers are expected to implement the new pricing on incoming shipments. **> See reports on page 2** **by N. TRISHA, FAZLEENA AZIZ, SARBAN SINGH and ANDY CHUA**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/3/2024 | NST | NATION | 3 |

DESPITE CHEAPER INGREDIENTS

# PM WANTS PROBE INTO PRICIER FOOD

Anwar also wants new enforcement, monitoring methods on rice supply

ADIB POVERA
**PUTRAJAYA**
adibpovera@nst.com.my

DATUK Seri Anwar Ibrahim wants an investigation into reports of increased food prices despite cheaper rice and poultry.

In his speech at the Finance Ministry's monthly assembly here, the prime minister also highlighted the need for the authorities overseeing the supply of local white rice to improve enforcement and monitoring.

"I do not deny that there are cases of increased food prices.

"I was told that food prices have increased although the price of rice is going down.

"The price of sugar is under control. The price of chicken is lower compared with two or three years ago," said Anwar, who is also finance minister.

He said the price of sugar in Malaysia was the lowest in Southeast Asia.

"(When the prices of controlled items are cheap) there are still problems since smuggling will increase," he said.

Anwar cited as an example Pulau Sebatik, Sabah, where only a third of the population was Malaysian while the rest were Indonesians.

"However, the supply of cooking oil, rice and sugar, among others, is for the entire island.

"That is why targeted subsidies are important and a new taxation approach that does not burden (the people) is needed.

"This is to ensure fairness so that the super rich will not get subsidies," he said.

Anwar said there was a need for new enforcement and monitoring approaches to ensure there was sufficient local white rice.

"During a Jualan Rahmah programme in Permatang Pauh, I asked a trader why she was still selling *beras campuran* (mixed rice) at RM30 since there was local white rice priced at RM26.

"The woman said that although she learnt that the stock (of local white rice) was available, she could not find it in the shops."

Anwar said he was informed that some 150,000 metric tonnes of local white rice had been distributed to the market, but that was not enough to meet demand.

He added that he had instructed the Federal Agriculture Marketing Authority and Farmers' Organisation Authority to focus their efforts on rural areas to ensure people could get local white rice.




*Alor Mengkudu Mydin branch assistant manager Syafiq Nurin showing the reduced prices of imported white rice yesterday.* PIC BY AHMAD MUKHSEIN MUKHTAR

ANNOUNCED BY BERNAS

# Traders complying with lower rice price

**ALOR STAR:** Imported white rice in hypermarkets and grocery stores is now cheaper following the price revisions announced by Padiberas Nasional Bhd (Bernas).

Checks at hypermarkets here found prices of various imported white rice varieties, such as Fragrant Thai, Basmati, and Super Special Import (SSI), have gone down by RM2 to RM3 per 10kg.

Alor Mengkudu Mydin branch manager Muhamad Waliyuddin Abd Aziz said the new prices took effect yesterday.

"We have also displayed the previous prices for transparency to shoppers," he said.

The store offered 10kg packets of SSI priced at RM36.49, down from RM39.49, and Basmati priced at RM56.39, down from RM61.90.

However, there was no local white rice, sold at RM26 per 10kg, in the store.

Shopper Shafie Md Ali, 57, who was looking for local white rice, settled for imported rice.

He said he appreciated the lower prices of imported white rice.

"It's hard to find large companies willing to slash prices. I hope the government will help ensure the supply of local white rice as well," said the odd-job worker.

Another shopper, Che Puteh Abdullah, 73, was happy with the new prices for SSI rice.

"At last, prices of rice have gone down. I usually buy imported white rice so this is good news for me," said the retired public servant.

Consumers Association of Kedah president Yusrizal Yusoff said checks at smaller grocery stores in the state showed compliance with the price changes.

He said shops had also reduced the prices of old stocks of imported white rice.

However, Yusrizal expressed concern over the continued shortage of local white rice.

On Wednesday, Bernas reduced the price of imported white rice, to RM3,000 per tonne, from RM3,200 per tonne.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/3/2024 | BERITA HARIAN | ONLINE | |

# Negara rugi RM823 juta akibat pencerobohan kapal nelayan asing - Mohamad Sabu



KUALA LUMPUR: Malaysia mengalami kerugian berjumlah RM823 juta akibat pencerobohan kapal nelayan asing, antara 2020 hingga 2023.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, dalam tempoh itu sebanyak 428 kes direkodkan oleh Jabatan Perikanan (DOF), Agensi Penguatkuasa Maritim (Maritim Malaysia) dan Polis Marin.

Katanya, pecahan anggaran kerugian mengikut tahun adalah RM225.22 juta pada 2020 (117 kes), RM238.69 juta pada tahun 2021 (124 kes), RM200.19 juta pada tahun 2022 (104 kes) dan RM159.77 juta pada tahun 2023 (83 kes).

"Jumlah tangkapan kapal nelayan asing yang dibuat oleh Jabatan Perikanan bagi tempoh 2020 hingga 2023 adalah sebanyak tujuh kes (2020), lapan kes (2021), empat kes (2022).

"Pecahan tangkapan berdasarkan negara pula adalah sebanyak 18 kes tangkapan membabitkan kapal negara Vietnam dan satu kes vesel tanpa flagstat," katanya.

Beliau berkata demikian menerusi jawapan bertulis yang disiarkan di portal Dewan Rakyat ketika menjawab soalan Wan Razali Wan Nor (PN-Kuantan) berhubung jumlah kerugian disebabkan pencerobohan nelayan asing di perairan negara bagi tempoh 2020-2023.

Mohamad berkata, kementerian memandang serius isu pencerobohan membabitkan aktiviti-aktiviti penangkapan ikan secara haram oleh vesel penangkapan ikan asing di perairan negara.

"Kementerian melalui DOF sentiasa bekerjasama dengan agensi penguakuatkuasaan yang lain dalam usaha menangani isu ini.

"Pencerobohan oleh nelayan asing adalah isu serius yang boleh menjejaskan kelestarian sumber daya perikanan tempatan dan mata pencarian nelayan tempatan serta kerugian kepada pendapatan negara," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/3/2024 | HARIAN METRO | LOKAL | 23 |

## KAPAL NELAYAN ASING CEROBOH LAUT NEGARA

# Malaysia alami kerugian RM823 juta

**Kuala Lumpur:** Malaysia mengalami kerugian berjumlah RM823 juta akibat pencerobohan kapal nelayan asing antara 2020 hingga 2023.

**Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu** berkata, dalam tempoh itu sebanyak 428 kes direkodkan oleh Jabatan Perikanan (DOF), Agensi Penguatkuasa Maritim (APMM) dan Polis Marin (PDRM).

Katanya, anggaran kerugian pada 2020 adalah RM225.22 juta, RM238.69 (2021), RM200.19 juta (2022) dan RM159.77 juta (2023).

"Jumlah tangkapan kapal nelayan asing bagi tempoh 2020 hingga 2023 adalah sebanyak tujuh kes (2020), lapan kes (2021), empat kes (2022).

"Pecahan tangkapan berdasarkan negara pula adalah sebanyak 18 kes tangkapan membabitkan kapal dari Vietnam dan satu kes vesel tanpa flagstate," katanya.

Beliau berkata demikian menerusi jawapan bertulis yang disiarkan di portal Dewan Rakyat ketika menjawab soalan **Wan Razali Wan Nor (PN-Kuantan)** berhubung jumlah kerugian disebabkan pencerobohan nelayan asing di perairan negara bagi tempoh 2020-2023.

Mohamad berkata, kementerian memandang serius isu pencerobohan membabitkan aktiviti-aktiviti penangkapan ikan secara haram oleh bot nelayan asing di perairan negara.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/3/2024 | HARIAN METRO | LOKAL | 24 |



MUHAMMAD (tiga dari kanan) ketika meninjau sawah padi di Bendang Kayu Hidup, Kampung Alor Bakat, semalam. - Gambar NSTP/NOR AMALINA ALIAS

## TANAMAN PADI TERJEJAS

# Pembenihan awan jika kemarau berterusan

Oleh Nor Amalina Alias
am@hmetro.com.my

**Bachok**

Operasi pembenihan awan akan dilakukan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) bagi menyelamatkan tanaman padi di kawasan seliaannya jika kemarau berlanjutan sehingga pertengahan April depan.

Pengerusinya Muhammad Husin berkata, operasi yang akan dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Meteorologi Malaysia itu terlebih dahulu akan difokuskan kepada kawasan tanaman yang tidak mempunyai punca air.

Beliau berkata, Kada mengenal pasti kawasan kira-kira 3,000 hektar sawah di bahagian Kota Bharu utara dan 2,500 hektar lagi di Kota Bharu selatan termasuk di Ketereh dan Kadok.

"Kawasan ini bergantung sepenuhnya kepada sumber air Kemubu yang kini tidak dapat menampung kerja-kerja mengairi tanah sawah berikutan kemarau," katanya selepas melakukan lawatan di bendang Kampung Alor Bakat di sini, semalam.

Muhammad berkata, kira-kira 34 peratus daripada keseluruhan 26,833 hektar kawasan tanaman padi di bawah Kada dijangka terjejas berikutan musim kemarau yang sedang berlaku, termasuk 9,180 hektar bagi kawasan utara dan selatan Kota Bharu.

Menurutnya keadaan itu akan mempengaruhi jumlah pengeluaran padi bagi musim penanaman kedua 2023 yang dijangka menyusut sehingga 25 peratus jika suhu semasa pada kadar 30 hingga 34 darjah Celsius berterusan berbanding 212,000 tan metrik hasil tuaian musim pertama.

"Kada sedang mengambil pelbagai langkah proaktif termasuk menyediakan pam air, menyedut air dari sumber alternatif dan membina telaga tiub bagi kawasan yang terjejas ketika ini bagi meminimumkan kerugian bakal ditanggung pesawah," katanya.

Beliau berkata, pihaknya sentiasa berusaha mencari pendekatan lebih berkesan dalam menangani masalah pengairan bagi tanah sawah di bawah seliaan agensi itu.

Muhammad berkata, Kada kini dalam proses menyiapkan stesen pam air ketiga Kemubu yang bakal siap Jun tahun depan dan dijangka mampu membekalkan air bagi 160,000 hektar tanah sawah kendalian agensi itu.

"Pam yang bakal dibina itu menelan belanja RM26.3 juta menggunakan teknologi aliran paksi elektrik (*electric axial flow*) dari Jerman yang berupaya menyedut air walaupun pada paras cetek di bawah dua meter," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/3/2024 | HARIAN METRO | LOKAL | 25 |

# 'Risau air tak cukup'

## *Pesawah bimbang musim kemarau jejas hasil pendapatan padi*



KADA ambil langkah proaktif sediakan pam mudah alih dan membina tiub telaga di Kampung Alor Bakat, Bachok.

**Oleh Nor Amalina Alias**
am@hmetro.com.my

**Bachok**

Seramai 40 pesawah yang mengusahakan bendang di Kampung Alor Bakat di sini, bimbang kemarau berterusan akan menyebabkan pokok padi ditanam rosak.

Lebih menyedihkan apabila keadaan sama dilalui ketika tiga musim penanaman padi dilakukan di kawasan sawah seluas 54 hektar sebelum ini.

"Sebelum ini kami diduga dengan bencana banjir namun kali ini sawah kekeringan akibat kemarau," ujar pesawah, Tuan Ahmad Faizal Abu Seman, 36.

Dia berkata, sawahnya kekurangan air sejak bulan lalu dan padi ditanam sepatutnya dituai Mei hadapan.

Katanya, ketika ini fasa padi sudah memasuki tahap 'bunting anak' dan memerlukan air yang banyak.

"Kadar air di sawah tidak mencapai 70 peratus, itu pun kami berjaya menyelamatkan pokok padi selepas pihak Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) memasang pam air minggu lalu.

"Kami bimbang jika air tidak mencukupi, kami akan kerugian buat kali keempat berikutan sudah tiga musim kami mengalami kerugian," katanya ketika ditemui di bendang Kayu Hidup, Kampung Alor Bakat, di sini, semalam.

Rakannya, Ruzman Hashim, 62, berkata, masalah kemarau menyebabkan pokok padi ditanam terbantut dan mengurangkan kualiti hasil padi.

Kebiasaannya, untuk 0.4 hektar padi, petani mengeluarkan modal penanaman kira-kira RM1,000 dan mampu mencapai hasil jualan RM3,000.

"Namun bila padi terjejas, kami dapat sedikit hasil sahaja malah mungkin 'tak balik modal' (rugi)," katanya.

Sebagai alternatif, satu pam air sepanjang 50 meter dipasang bagi mengairi sawah berkenaan melalui punca air sungai di Sungai Binjai berdekatan bendang berkenaan.

Sementara itu, Pengerusi Kada, Muhammad Husin berkata, pihaknya mengambil langkah proaktif menyediakan pam mudah alih dan membina tiub telaga bagi mengatasi kawasan sawah yang ketiadaan air pada musim kemarau.

Katanya, sebahagian kawasan tanaman padi boleh mengairi sawah kerana mempunyai sumber air semula jadi berdekatan.



TUAN Ahmad Faizal

**RM1K**
jumlah modal penanaman untuk capai hasil jualan RM3k

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/3/2024 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 12 |

# MADA yakin BPT tidak terjejas

## Penurunan harga runcit jualan BPI bantu kurang kos sara hidup rakyat

Oleh **ROSHILA MURNI ROSLI**
ALOR SETAR



Inisiatif Gelombang Padi yang dilaksanakan oleh KPKM merupakan langkah penyelesaian serta kaedah mempertingkatkan serta menjamin bekalan makanan negara.

Langkah kerajaan menurunkan harga runcit jualan beras putih import (BPI) di antara RM2 hingga RM3 di pasaran diyakini mampu mengurangkan bebanan kos sara hidup rakyat.

Keyakinan itu dinyatakan Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Datuk Dr Ismail Salleh yang memaklumkan penyelarasan harga pasaran BPI itu akan membolehkan rakyat membeli dengan harga lebih rendah.

Malah, ia turut mengimbangi permintaan dan penawaran pasaran beras di peringkat domestik di antara BPI dengan beras putih tempatan (BPT) sekali gus memastikan jaminan bekalan yang berterusan.

"Pelarasan BPI ini adalah tanda kerajaan sentiasa peka dalam memahami setiap keperluan rakyat bagi menjamin bekalan makanan sentiasa cukup dan berterusan.

"Pihak MADA yakin setiap keputusan serta langkah-langkah diambil kerajaan adalah untuk memastikan rakyat dapat menikmati harga dan bekalan beras yang sewajarnya bagi kelangsungan hidup," katanya kepada *Sinar Harian* ketika ditemui di Pertubuhan Peladang Kawasan Suka Setia C-IV MADA di sini pada Rabu.

Tambah Ismail, meskipun penurunan harga BPI sedikit sebanyak akan mempengaruhi pola permintaan pengguna, namun ia tidak akan menjejaskan permintaan dan pemasaran BPT.

Ini kerana katanya, kerajaan sentiasa komited dalam memastikan bekalan beras mencukupi untuk keperluan rakyat dengan meningkatkan aspek pengedaran di pasaran.

"Justeru, kerajaan memutuskan supaya semua stok semasa padi dan beras telah dibeli oleh pengilang yang berjumlah 140,000 tan metrik dapat diproses dan dikeluarkan untuk kegunaan pasaran tempatan serta-merta.

"Malah, pihak Pejabat Kawalselia Padi dan Beras (KPB) juga membuat pemeriksaan dan penguatkuasaan untuk memastikan tiada penyelewengan berlaku dalam isu pemasaran BPT ini," katanya yang turut memaklumkan kesemua langkah berkenaan mampu mengukuhkan pemasaran BPT kepada rakyat.

### Inisiatif Gelombang Padi

Dalam perkembangan lain, Ismail turut menyokong inisiatif Gelombang Padi yang dilaksanakan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sebagai langkah penyelesaian serta kaedah mempertingkat serta menjamin bekalan makanan negara.

Dengan 12 strategi utama, inisiatif itu katanya, mampu membawa industri padi dan beras lebih maju ke hadapan.

"MADA melihat inisiatif Gelombang Padi mampu memastikan bekalan makanan ruji negara terjamin, meningkatkan peratusan tahap sara diri (SSL) di samping meningkatkan hasil pesawah," ujar beliau.

Jelasnya, industri padi di negara ini agak berbeza dengan Vietnam dan Indonesia yang dilihat lebih maju sehingga mereka mampu untuk mengeksport beras.

Keadaan itu katanya, disebabkan kedua-dua negara berkenaan menggunakan varieti jangka masa yang pendek iaitu 75 hingga 80 hari menyebabkan mereka mampu menghasilkan padi sebanyak empat kali setahun.

"Kita baharu dua kali setahun dan sekarang nak masuk lima kali dua tahun, jadi kita agak sedikit ketinggalan," jelasnya.

> *Pihak MADA yakin, setiap keputusan serta langkah-langkah diambil kerajaan adalah untuk memastikan rakyat dapat menikmati harga dan bekalan beras yang sewajarnya bagi kelangsungan hidup."*
>
> \- Ismail



## Negara mampu capai tahap SSL lebih 70%

**MALAYSIA** mampu dan berupaya mencapai SSL melebihi tahap 70 peratus menjelang 2030.

Menurut Ismail, untuk merealisasikan sasaran itu, MADA secara berterusan memberi fokus kepada aspek pembangunan pesawah.

"MADA akan sentiasa berada bersama pesawah untuk memberi pemahaman dan tunjuk ajar secara langsung supaya mereka mampu meningkatkan hasil yang baik.

"Pada masa sama, MADA turut melaksanakan projek rintis tanaman padi lima kali dua tahun melibatkan kawasan seluas 213.99 hektar di bawah seliaan MADA Wilayah I (Perlis) dan MADA Wilayah III (Pendang).

"Namun tidak semua kawasan sesuai untuk tanaman padi lima kali dua tahun ini kerana terdapat beberapa kekangan termasuk sistem pengairan. Sebagai contoh, MADA keseluruhannya ada 100,000 hektar sawah, namun kawasan yang berpotensi adalah sekitar 30 peratus sahaja.

"Tetapi kalau sistem pengairan dinaiktarafkan sehingga tiada isu yang timbul, Insya-ALLAH saya ingat kawasan yang berpotensi ini akan bertambah," katanya

Beliau turut menyasarkan kawasan seluas 30,000 hektar untuk melaksanakan program tanaman padi lima kali dua tahun menjelang 2030.

Pada masa sama, MADA turut melaksanakan Projek Smart Sawah Berskala Besar Ala Sekinchan yang diharap dapat membantu dalam meningkatkan hasil tanaman padi pesawah ke arah lapan tan metrik.